

20 OCT 1997

Anwar-MAS

MAS DIMINTA SELESAI MASALAH DENGAN KADIR SECARA BAIK

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata kerajaan mahu Penerbangan Malaysia (MAS) menyelesaikan "secara baik" masalahnya dengan Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Beliau berkata beliau telah mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Eksekutif MAS Tan Sri Tajudin Ramli pada Sabtu lepas bagi membincangkan tindakan MAS mengemukakan saman RM80 juta terhadap Kadir.

Anwar berkata beliau juga telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bagi melaporkan hasil pertemuan dengan Tajudin.

Beliau menyatakan demikian ketika ditemui pemberita selepas memberi taklimat kepada anggota Parlimen Barisan Nasional mengenai Belanjawan 1998 di Kementerian Kewangan di sini.

Dalam saman malu terhadap Abdul Kadir, MAS menuntut kerugian am sebanyak RM50 juta dan kerugian teladan RM30 juta serta mengemukakan permohonan perintah menghalang timbalan menteri itu daripada terus menerbitkan kenyataan yang didakwa menfitnah MAS.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan mengarahkan MAS menarik balik saman terhadap Abdul Kadir, Anwar berkata; "Saya akan mengendalikan hal itu kemudian."

Dua hari lepas, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menasihati MAS menarik balik saman terhadap Abdul Kadir itu.

Mengenai teguran Dr Ling yang menimbulkan bantahan di kalangan kakitangan MAS baru-baru ini, Anwar berkata; "Kita akui langkah MAS bagi memperbaiki mutu perkhidmatannya tetapi pada masa yang sama kita juga menghormati hasrat Dr Ling yang mewakili pandangan rakan-rakan dalam kabinet dan membuat teguran membina.

"Kita telah bincangkan perkara ini banyak kali di dalam kabinet dan hasrat ini disampaikan oleh Menteri Pengangkutan kepada Tajudin...tentulah kita pertahankan hak menteri untuk memberi nasihat," katanya.

Dalam kenyataannya berkaitan dengan cara MAS mengendalikan pembatalan penerbangan semasa jerebu melanda negara baru-baru ini, Dr Ling telah meminta kakitangan MAS agar lebih peka kepada penumpangnya ekoran gangguan jadual penerbangannya itu.

Mengenai taklimat selama kira-kira dua jam kepada anggota Parlimen itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata beliau telah menjelaskan mengenai perkembangan semasa dan langkah-langkah yang perlu diambil dalam belanjawan negara tahun depan.

Katanya, beliau telah meminta anggota-anggota Parlimen itu memberi penjelasan kepada masyarakat bahawa kerajaan terpaksa menangani masalah ekonomi negara berikutan kejatuhan ringgit dengan bijak.

"Dan ini akan mengambil masa dan saya yakin dengan langkah-langkah yang diambil (dalam Belanjawan '98) keadaan ekonomi negara akan dapat dibaiki," katanya.

Mengenai pendapat sesetengah pihak bahawa Belanjawan itu tidak membayangkan defisit akaun negara dan kedudukan ringgit, beliau berkata; "Kita janganlah sampai menyebabkan keadaan ekonomi merosot... kita kena pertahankan perimbangan antara menyelesaikan masalah semasa dengan mempertahankan pemaparan pertumbuhan jangka panjang.

"Kita tidak mahu menyusahkan masyarakat negara ini yang memang telah menghadapi kesusahan. Saya tidak fikir kita patut mengambil beberapa lagi langkah radikal di luar apa yang kita fikir dapat mengekalkan paras

pertumbuhan ekonomi," katanya. -- BERNAMA  
NZ NMO